

Normaziah - WANITA Ikon '07

Pada 30 Disember lalu terjawab segala teka-teki siapakah yang bakal dinobatkan sebagai WANITA Ikon 2007, anugerah yang julung kalinya dianjurkan oleh majalah WANITA terbitan Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) dengan kerjasama Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera (USA-HANITA). Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menjadi saksi penganugerahan WANITA Ikon yang dimenangi oleh Datin Normaziah Sheikh Mohamed, 37, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Megapadu, anugerah disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



Turut hadir dalam majlis gilang-gemilang itu ialah Sultanah Johor, Sultanah Tengku Nora Ismail, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yéop; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; Presiden Usahanita, Datuk Rokiah Omar; Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Mohd Nasir Ali; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohamad dan Ketua Pengarang Majalah UKSB, Zin Mahmud.

Normaziah berjaya mengalahkan tujuh finalis lain yang berjaya ke peringkat akhir, mereka ialah Maznah Zolkifli, Sharifah Shawati Syed Mohamad, Norzaina Ghani, Raja Raja Shazmin, Dr Farah Hani Imran, Azrin Zuliani Zainol dan Rozita Ibrahim.

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu, pepatah Melayu yang sering digunakan untuk menggambarkan tuah dan nasib seseorang.

Saat debaran di dada semakin terasa kala menunggu pengacara majlis mengumumkan pemenang Anugerah WANITA Ikon 2007, sukar untuk menjangkakan siapakah yang bakal membawa pulang hadiah lumayan. Siapa sangka tuah Normaziah untuk bergelar WANITA Ikon memandangkan kesemua peserta akhir pada malam itu hebat-hebat belaka, masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri serta berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Bagi Normaziah, kejayaan itu bukan untuk dirinya seorang, malah ia juga wajar dikongsi bersama dengan tujuh peserta akhir yang lain kerana mereka juga sebenarnya layak untuk menyandang gelaran itu cuma hanya nasib menyebelahi dirinya.

"Ketika nama saya diumumkan memang saya terkejut dan tidak sangka sama sekali telah dipilih oleh juri untuk memenangi anugerah ini. Syukur pada Allah kerana setiap rezeki datang dari-Nya, begitu juga dengan kejayaan saya pada malam itu. Bagi saya kejayaan ini akan dikongsi bersama dengan rakan-rakan lain (peserta akhir) di mana selepas ini untuk aktiviti kebajikan yang memerlukan saya turun padang, saya akan menjemput kesemua finalis Anugerah WANITA Ikon untuk sama-sama menyertai aktiviti tersebut," katanya.

Normaziah bukan saja terkenal dengan produk Kayla Beverly Hills yang diambil alih sejak tiga tahun lalu menerusi syarikat Dermilab Sdn. Bhd. Pengalaman dalam bidang kecantikan serta minat mendalam dalam bidang itu telah berjaya meletakkan nama Kayla yang satu ketika dulu pernah popular seperti mana produk kecantikan antarabangsa yang lain.

Wanita gigih ini menjadi pilihan juri bukan hanya kejayaannya di dalam bidang perniagaan

Demi untuk mencari rezeki, saya terpaksa meninggalkan anak-anak di bawah jagaan ibu saya, seminggu sekali saya pulang menjenguk mereka. Inilah pengorbanan yang harus saya lalui. Sejak bekerja saya mula berjimat cermat dan menyimpan duit, pengalaman lalu saya jadikan ikhtibar

serta aktif dalam kerja kebajikan tetapi anak kelahiran Johor ini mempunyai pengalaman hidup yang dapat menggambarkan ketabahnya melalui pahit getir setiap dugaan yang dialaminya selama ini. Kejayaan dan kemewahan yang dikecapi hari ini adalah di atas usahanya yang berjaya membawa perubahan dalam hidupnya sekali gus menikmati kehidupan baru selepas perkahwinan keduanya dengan suami tercinta Datuk Hanafi Daud, 42, dan enam cahaya mata.

"Saya pernah bergelar ibu tunggal dengan dua orang anak perempuan, ketika itu saya baru berusia 21 tahun. Saya akui perkahwinan di usia remaja jika silap peraturannya boleh membawa keruntuhan rumah tangga. Ketika remaja lain bergelumbang dengan nota dan kuliah, saya sudah pun menempuh alam perkahwinan dan bergelar ibu pada usia belasan tahun. Sewaktu berpisah dengan suami, saya tidak mempunyai apa-apa melainkan dua orang anak yang masih kecil.

Saya benar-benar mengalami satu saat yang amat perit dalam hidup. Saya bukan saja kehilangan tempat bergantung malah saya hilang segala-galanya dan saya tidak nampak apakah mana depan saya selepas itu. Dengan duit simpanannya yang memang tidak ada, bayangkan betapa sengsaranya saya ketika itu. Sejak dari itu saya berjanji pada diri saya sendiri untuk mengubah hidup, mencari pekerjaan untuk menyara kami anak-beranak.

"Saya sedar sesuatu perkahwinan yang tidak mendapat restu orang tua pastinya akan mengalami masalah, inilah kesan yang saya alami.

Ibu banyak memberi semangat, dorongan serta bantuan kepada saya setelah berpisah dengan suami. Sejak dari saat itu, saya tidak menoleh ke belakang lagi, saya mula mengorak langkah menjejaz cita-cita demi anak-anak dan masa depan saya sendiri. Saya pernah bekerja sebagai juruwang sebelum mengikuti kursus dan bekerja di sebuah pusat kecantikan di Johor.

Demi untuk mencari rezeki, saya terpaksa meninggalkan anak-anak di bawah jagaan ibu saya, seminggu sekali saya pulang menjenguk mereka. Inilah pengorbanan yang harus saya lalui. Sejak bekerja saya mula berjimat cermat dan menyimpan duit, pengalaman lalu saya jadikan ikhtibar. Pada anak-anak, saya terapkan budaya berjimat cermat dan menabung supaya mereka sedar bahawa untuk mendapatkan sesuatu bukannya mudah," kata Normaziah panjang lebar.

Tujuh tahun memegang status ibu tunggal berjaya meletakkan dirinya pada satu tahap yang dapat dibanggakan. Hasil kerja kerasnya dalam tempoh itu, Normaziah berjaya memiliki perniagaan sendiri iaitu sebuah salon kecantikan yang terletak di Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Bagi Normaziah, perniagaan itu bukanlah kejayaan pertama yang harus dimiliki dan dikembangkan. Justeru, untuk meluaskan lagi pengalaman dalam ilmu kecantikan ini dia berkhidmat dengan Kayla Beverly Hill (dengan pihak pengurusan yang lama). Pengalaman berkhidmat dengan salah sebuah syarikat antarabangsa itu memberi peluang kepadanya untuk mengutip ilmu dalam bidang pemasaran khususnya.

Memiliki sikap ingin tahu yang tinggi serta bijak berkomunikasi membuat kelebihan kepada Normaziah untuk meluaskan lagi jaringan hubungan dengan rakan sekerja mahupun pelanggan.

Justeru, setelah bertemu jodoh dengan Hanafi, seorang jurutera bertauliah, Normaziah mula mencari idea untuk memulakan perniagaan yang mana memberikan peluang kepadanya untuk sama-sama bekerja dengan suami tercinta, dengan niatnya untuk sentiasa 'melekat' dengan suami tetapi niatnya agar mereka dapat terlibat dengan perniagaan yang sama dan memastikan suami tahu dan faham perniagaan atau kerja yang dilakukannya. Dia tidak mahu pisang berbuah dua kali, pengalaman perkahwinan pertama banyak memberi pengajaran. Oleh itu, setelah setahun menguruskannya syarikat trading di bawah syarikat Megapadu Sdn. Bhd. dan setelah melihat perkembangan perniagaan itu yang positif, Normaziah mula mengajak suami untuk sama-sama menyertai perniagaan itu.

Demi menumpukan sepenuh perhatian terhadap perniagaan *trading* di mana syarikat itu membekalkan sistem penyelesaian paip dan gas menggunakan teknologi dari Eropah (Itali), Normaziah mengambil keputusan untuk menutup pusat kecantikannya dan perniagaan perabot.

"Tahun 1999 saya memulakan syarikat *trading* ini, memang ia satu-satunya bidang yang berlainan sekali dan Alhamdulillah ia terus berkembang dengan baik. Selain itu kami juga terlibat dengan jual beli *solution provider*, ia lebih kepada perniagaan *manufacturing*. Melihatkan keupayaan kami dalam bidang ini yang semakin konsisten, saya mengambil peluang ini untuk berbincang dengan pihak pembekal dari Itali agar kami diberi peluang untuk menjadi pengilang dengan membuka kilang sendiri di Malaysia. Pada 2003, kami berjaya meyakinkan mereka setelah melihat rekod perniagaan yang berkembang malah kami kini telah membekalkan produk ini ke Dubai, Qatar, Bahrain dan juga pasaran Thailand. Kini, kami memiliki empat anak syarikat lain iaitu Euro Mega Manufacturing, Mega Prestime Industries Sdn. Bhd., Bellini Resource (M) Sdn. Bhd dan termasuklah Dermilab Sdn. Bhd. yang telah mendapat hak ke atas Kayla," kata Normaziah yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Megapadu Sdn. Bhd.

Menurut Normaziah lagi, kejayaannya melebarkan sayap dalam dunia perniagaan kejuruteraan dan kosmetik ini menjadi bukti bahawa daripada seorang ibu tunggal yang tidak mempunyai 'apa-apa' akhirnya mampu memiliki syarikat sendiri yang bertaraf global, dalam masa yang sama memberi semangat kepada ibu tunggal yang lain bahawa setiap manusia pernah melakukan kesilapan dan pernah melalui satu episod duka. Jadi, tidak perlu terus menyesal dengan takdir yang ditentukan, sebaliknya bangun semula membina hidup baru dengan semangat baru demi untuk masa depan sendiri dan anak-anak.

Sering berkongsi pengalamannya dengan ibu tunggal lain serta ahli persatuan Usahanita memandangkan beliau juga salah seorang ahli persatuan tersebut, Normaziah sentiasa menitipkan pesanan dan nasihat agar tidak mengganggu perceraian itu sebagai satu musibah atau bala, sebaliknya itu semua adalah takdir yang Esa. Buktikan kepada bekas suami bahawa mereka boleh berjaya atas usaha mereka sendiri. Analisis semula apa yang telah berlaku kerana ia sebenarnya mempunyai banyak iktibar.

"Setelah gagal dalam perkahwinan pertama, saya mula mengamalkan lapan ciri kehidupan yang menjadi kitaran dalam hidup saya. Sejak saya mengamalkan lapan ciri ini, saya dapat rasakan kelainannya, hidup saya lebih teratur dan lebih yakin dalam menjalankan tugas serta rutin harian. Antara ciri tersebut ialah kerjaya, organisasi (syarikat yang kukuh), kewangan yang stabil, keluarga yang lengkap dan bahagia, sosial dan kebajikan, rohani dan jasmani, sikap (sabar dan berfikir positif). Semua aspek ini menjadi satu kitaran yang mampu mengubah cara hidup saya dan keluarga. Saya percaya jika kita bekerja keras, sentiasa berfikir positif dan bertindak di atas landasan yang betul, kita mampu berjaya. Pengurusan masa sangat penting dalam menjalankan tugas sama ada di pejabat mahupun di rumah. Apabila di pejabat, saya adalah ketua tetapi apabila di rumah saya menjalankan tugas seperti mana isteri dan ibu yang lain. *I want to be the first one and the only one...* dan alhamdulillah saya berjaya membuktikannya.

"Saya sangat bersyukur kerana di kurniakan suami yang penyayang dan memahami minat dan kerjaya saya. Malah kerja-kerja kebajikan yang saya lakukan selama ini mendapat sokongan penuh daripada suami dan anak-anak. Pernah saya meninggalkan mereka berhari-hari kerana mengunjungi rumah anak yatim di negara jiran. Sokongan dan dorongan daripada mereka menguatkan semangat saya untuk membantu golongan miskin dan yang memerlukan bantuan, sama ada dari segi kewangan dan moral.

"Saya harap dengan anugerah yang saya miliki ini ia mampu membakar semangat wanita di luar sana agar terus berusaha dan bekerja keras dalam bidang yang mereka ceburi," katanya lagi. W

